

# Implikasi tuntutan gaji minimum

B.H m/s 12 22 6.07

Undang-undang sedia ada mampu tangani isu dituntut MTUC



# Meniti Arus

Bersama

**Abdul Rahman Sulaiman**

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

**K**ONGRES Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mengancam melancarkan piket di seluruh negara, Isnin ini bagi menyokong tuntutan mereka agar kerajaan memperkenalkan undang-undang menetapkan gaji minimum bagi pekerja sektor swasta di negara ini. Gaji minimum diminta ialah RM900 sebulan, di samping bayaran elaun sara hidup (Cola) sebanyak RM300 sebulan.

MTUC yang menaungi kira-kira lapan juta pekerja sektor swasta di seluruh negara mendakwa dalam satu memorandum disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bahawa ketiadaan peruntukan khusus mengenai gaji minimum dalam Akta Pekerjaan 1955 menyebabkan ramai pekerja sektor itu ditindas majikan.

Presidennya, Syed Shahir Syed Mohamud, ketika menyerahkan memorandum itu kepada Setiausaha Sulit Kanan Perdana Menteri, Ahmad Yaacob di Putrajaya, Isnin lalu berkata, walaupun ada syarikat di negara ini memperoleh keuntungan besar, gaji asas pekerja terbabit dalam sektor perladangan, tekstil dan garmen serta perkilangan terus kekal rendah di bawah RM500 sebulan.

Dalam memorandum itu, kongres berkenaan memberi tempoh seminggu untuk kerajaan memberi maklum balas tentang tuntutan berkenaan.

“Jika tempoh itu berakhir tanpa sebarang maklum balas, rancangan menganjurkan piket akan diteruskan di seluruh negara,” tegas Syed Shahir yang disertai bersama Setiausaha Agungnya, G Rajasekaran.

Lokasi piket dirancang ialah di Kuala Lumpur serta beberapa tempat di Selangor seperti Petaling Jaya, Bangi, Shah Alam dan Klang, selain di Johor, Sarawak dan Pulau Pinang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam reaksi serta-merta menasihatkan kongres itu supaya tidak meneruskan cadangan piket itu, sebaliknya meminta MTUC terus membuka pintu rundingan dengan kerajaan dalam menyele-

## INTI PATI

### Undang-undang pekerja swasta

- Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 memperuntukkan penubuhan Majlis Penetapan Gaji untuk mengemukakan perakuan kepada Menteri Sumber Manusia mengenai penetapan gaji bagi pekerja dalam sektor tidak dilindungi mana-mana jentera.

- Kerajaan menubuhkan Majlis Penetapan Gaji (MPG) untuk beberapa sektor tertentu.

- Sebuah Suruhanjaya Siasatan ditubuhkan untuk mengenal pasti keperluan penubuhan MPG bagi sektor hotel dan penghidangan.

- Sebarang penetapan gaji perlu disesuaikan dengan keperluan dan keunikan sektor berkenaan.

- MTUC boleh mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk menetapkan gaji bagi sektor memerlukan.

saikan isu berkenaan.

“Kita berharap mereka tidak akan melakukannya (piket), sebaliknya terus berunding dengan kerajaan. Kita ada pertimbangan tertentu yang perlu difikirkan dan perkara itu mempunyai kesan yang banyak. Dasar gaji minimum tidak diamalkan di negara ini, tetapi ada amalan tertentu oleh industri dan sebagai contoh, mereka boleh menentukan kadar gaji diterima,” jelas Najib.

Sebenarnya, ada dua isu perlu difikirkan secara serius dalam menangani tuntutan dan ancaman MTUC ini. Pertama ialah implikasi jangka panjang tuntutan itu sendiri dan kedua kesan ancaman piket dicadangkan jika ia diteruskan.

Piket atau sebarang bentuk tindakan perusahaan sudah pasti memberikan isyarat yang kurang baik kepada pelabur dan bakal pelabur, terutama dari luar negara. Piket juga, walaupun diadakan secara aman, boleh menaikkan emosi dan dengan demikian

diadakan dihadapi tidak mungkin dapat diselesaikan secara rasional dan berhemah.

Isu gaji minimum bukanlah sesuatu yang baru. Ia mula diperkenalkan di New Zealand pada 1896 dan kemudian diikuti oleh Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan seterusnya di banyak negara di dunia.

Keadaan ekonomi dunia ketika konsep gaji minimum itu diperkenalkan sangat berbeza dengan keadaan hari ini. Sebagai contoh inflasi yang boleh mengurangkan kuasa beli bukan faktor penting ketika itu, sementara konsep globalisasi belum berkembang sehebat sekarang.

Tahap mobiliti modal dan buruh juga tidak setinggi sekarang, sementara pencapaian teknologi tidak membolehkan penyumberluaran kerja secara meluas, di samping peranan ilmu dan kemahiran dalam proses penambahan nilai tidak begitu kritikal seperti sekarang.

Di Malaysia juga isu ini sering dibangkitkan dari semasa ke semasa sejak beberapa tahun lalu. Namun, kerajaan mempunyai alasan tertentu untuk tidak menyetujui cadangan tersebut.

Secara umumnya, penetapan mandatori gaji minimum boleh menimbulkan implikasi berikut:

- Jika gaji yang secara relatifnya tinggi dipanjangkan kepada pengguna, kadar harga barang akan meningkat dan dengan itu pendapatan sebenar akan merosot,

- Gaji minimum mungkin membantutkan usaha membangunkan modal insan kerana kos latihan dan pendidikan akan meningkat,

- Meningkatkan permintaan untuk subsidi dan bayaran pindahan sekiranya pengangguran meningkat,

- Mengurangkan permintaan tenaga sama ada dari segi waktu bekerja atau peluang pekerjaan,

- Meningkatkan kualiti dan kemahiran golongan yang mula memasuki pasaran pekerjaan dan menjejaskan peluang pekerja yang kurang pengalaman dan kurang produktif,

- Sekiranya beban gaji yang lebih terpaksa ditanggung majikan, pendapatan korporat akan berkurangan dan ini mungkin akan mengakibatkan pelabur asing keluar,

- Menghalang pekerja kurang kompetitif daripada mendapat latihan dan naik pangkat.

Apa pun, ini tidak bermakna bahawa usaha mendapatkan gaji lebih baik dan

berperanan bagi pekerja swasta harus diabaikan.

Perdana Menteri sendiri ketika mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam baru-baru ini, mencadangkan agar struktur gaji baru penjawat awam yang akan mula dikuat kuasa pada 1 Julai ini dijadikan panduan oleh majikan swasta, terutama yang mampu.

Akta Majlis Penetapan Gaji 1947, antara lain, memperuntukkan penubuhan Majlis Penetapan Gaji untuk mengemukakan perakuan kepada Menteri Sumber Manusia mengenai penetapan gaji bagi pekerja dalam sektor tidak dilindungi mana-mana jentera.

Majlis itu biasanya diwakili oleh majikan, kesatuan sekerja dan individu berkecuali.

Setakat ini kerajaan sudah menubuhkan Majlis Penetapan Gaji (MPG) untuk beberapa sektor tertentu, termasuk untuk Pengawal Keselamatan Swasta di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, Pembantu Klinik Swasta di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan Pekerja Am di Kebun Kecil di Sabah dan Sarawak.

Sebuah Suruhanjaya Siasatan juga ditubuhkan di bawah akta sama untuk mengenal pasti keperluan penubuhan MPG bagi sektor hotel dan penghidangan.

Adalah jelas bahawa undang-undang sedia ada di negara ini mampu menangani isu gaji minimum dituntut MTUC itu tanpa perlu mewujudkan undang-undang khusus untuk merangkumi semua sektor secara sekali gus.

Perlu diingat bahawa jenis pekerjaan dalam sektor awam tidak sama dengan sektor swasta yang cirinya berbeza-beza serta lebih luas. Oleh itu, sebarang penetapan gaji perlu disesuaikan dengan keperluan dan keunikan sektor berkenaan.

Dalam hubungan ini, MTUC boleh mengemukakan cadangan mereka kepada Kementerian Sumber Manusia untuk menetapkan gaji bagi sektor memerlukan. Diyakini bahawa kementerian itu akan memberikan pertimbangan sewajarnya jika ini dilakukan.

Mungkin tindakan ini akan membuahkan hasil lebih baik daripada mengancam untuk berpiket yang belum tentu kesudahannya.

**Penulis, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktorat Pelaksanaan Negara**